



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 22 DISEMBER 2023**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERLIS BUKA LADANG BENIH PADI, ELAK ISU LEWAT BEKALAN, DALAM NEGERI, UM-6	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
2. 3.	AMALAN LESTARI KOMPREHENSIF, LOKAL, HARIAN METRO-11 BAYER PACU KEMAJUAN, TINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT MALAYSIA, NASIONAL, BH-19	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/12/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Perlis buka ladang benih padi, elak isu lewat bekalan

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

ARAU: Perlis bakal membuka ladang benih padi sendiri melibatkan kawasan seluas 328 hektar dengan penglibatan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh negeri ini sekali gus bakal mengatasi masalah bekalan benih padi di negeri itu. Kewujudan ladang berkenaan sekurang-kurangnya dapat menyelesaikan isu bekalan benih merangkumi 30 peratus keluasan kawasan tanaman padi di negeri ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, perancangan ladang benih padi berkenaan melibatkan agensi seperti Jabatan Pertanian negeri, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Katanya, jangkaan pengeluaran benih padi bagi projek rintis ladang berkenaan bagi musim 2/2024 adalah sebanyak 1,640 tan metrik atau 82,000 beg.

"Ladang benih padi berkenaan juga bakal memanfaatkan 9,535 pesawah di Perlis. Anggaran pengeluaran benih perhektar pula dijangka sebanyak lima tan metrik.

"Setiap PPK akan memainkan peranan dan terlibat dalam kewujudan ladang benih berkenaan. Di Perlis kita ada 11 PPK melibatkan lima di dalam kawasan MADA dan enam di luar kawasan MADA.

"Benih yang dihasilkan akan



PERLIS bakal membuka ladang benih padi sendiri dengan penglibatan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh negeri sekali gus bakal mengatasi masalah bekalan benih padi di Perlis pada masa hadapan.
- UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

diproses oleh pengilang berdaftar dan diharap pengilang akan melakukan timbal balik dengan memastikan bekalan benih kepada pesawah setara dengan kuantiti pengeluaran benih yang dikeluarkan oleh ladang benih dari Perlis.

"Keadaan ini diharap dapat mengatasi masalah bekalan benih padi di Perlis pada masa hadapan merangkumi 30 peratus keluasan tanaman padi," katanya.

Sebagai rekod, sebanyak

15,960 pesawah di negeri ini dengan keluasan sawah di kawasan dan luar MADA di Perlis ialah seluas 28,033 hektar.

Sementara itu, Razali memberitahu, LPP dengan kerjasama PPK telah mengambil langkah dan usaha bagi memastikan sekurang-kurangnya bekalan sebanyak 6,000 beg benih padi bagi musim 2/2023 dapat disediakan terutama bagi pesawah yang bernaung dibawah Projek Mimi Estet Padi (MEP) PPK.

"Melalui beberapa usaha dan siri perbincangan, beberapa tindakan bagi perolehan benih telah dilaksanakan oleh PPK iaitu pada Oktober 2023 sebanyak 4,000.00 beg dengan harga RM35.00/beg kepada pesawah; pada 6 November 2023 sebanyak 1,000 beg dengan harga arahan terbaru RM45.00/beg kepada pesawah.

"Pada 7 September 2023 pula sebanyak 1,750 beg benih dengan harga RM45.00/beg kepada pesawah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/12/2023	HARIAN METRO	LOKAL	11

Matlamat Bayer bantu rakyat Malaysia jalani kehidupan lebih baik

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Sumbangan terhadap pembangunan berteknologi menjadi elemen penting daripada strategi dan nilai Bayer Co (Malaysia) Sdn Bhd (Bayer), jenama global terkemuka dalam bidang sains hayat penjagaan kesihatan dan pemakanan.

Dipandu oleh visi *Health for All, Hunger for None*, Bayer memertusi Team Bayer Malaysia terus berusaha untuk mencapai hasil yang lebih baik bagi pesakit, menerusi amalan lestari komprehensif untuk petani dan produk terbaik untuk segenap lapisan pengguna.

Melalui misi yang sama, *Health for All, Hunger for None* memotivasi dan memacu lagi Team Bayer Malaysia bagi sesapa sahaja yang menjadi teras kepada inovasi dan prestasi Bayer Malaysia.

Bayer mengambil peranan aktif dalam banyak peristiwa penting sepanjang proses pembangunan Malaysia sejak menubuhkan anak syarikat pertamanya di negara ini pada 1972.

Hasil yang lebih baik untuk pesakit

Untuk segmen penjagaan kesihatan, Bayer menumpukan pada penyampaian ubat-ubatan inovatif dan penting terutamanya dalam bidang terapeutik kardiologi, onkologi, ginekologi dan oftalmologi, serta menangani cabaran penduduk yang semakin tua di Malaysia.

Syarikat terus memanfaatkan penyelesaian digital untuk memajukan penjagaan pesakit, terutamanya mengenai kesihatan reproduktif di mana masih terdapat keperluan yang tidak dipenuhi untuk kaedah perancangan keluarga moden di negara ini.

Menurut tinjauan Alpro Pharmacy baru-baru ini, kehamilan tidak dirancang adalah salah satu daripada lima keimbangan utama dalam kalangan wanita di Malaysia.

Namun, satu perempat daripada 1,300 responden wanita tidak menggunakan

Amalan lestari komprehensif



BAYER adalah syarikat sains tanaman inovatif yang terulung di dunia dalam bidang biji benih dan perlindungan tanaman.

sebarang kontraseptif dan hampir 50 peratus bergantung pada perancangan keluarga semula jadi atau kaedah tarikan keluar.

Dengan matlamat memperkasakan wanita dalam membuat keputusan bijak mengenai perancangan keluarga, Bayer dan Alpro Pharmacy melancarkan Telekonsultasi Perancangan Keluarga Alpro yang menghubungkan profesional kesihatan dan pengguna dari jauh dan mudah.

Sejak pelancaran, lebih 4,500 individu telah mengakses platform untuk memperoleh maklumat dan berunding dengan ahli farmasi mendapatkan nasihat peribadi mengenai kaedah memilih kontraseptif yang sesuai untuk keperluan mereka.

Alat digital lain yang dibangunkan oleh Bayer untuk melengkapkan perkhidmatan penjagaan kesihatan wanita sedia ada termasuk Ask Maya chatbot, portal dalam talian dan siri pendidikan pada Meta.

Bayer juga bekerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) untuk memacu kesedaran dan pengetahuan tentang kepentingan perancangan keluarga.

Bersempena Hari Kontraseptif Sedunia 2023, Bayer dan LPPKN mengadakan forum advokasi perancangan keluarga untuk menekankan bukan sahaja faedah dan pilihan kontraseptif moden tetapi juga kebebasan dan keupayaan wanita untuk membuat keputusan termasuk mengenai kesihatan reproduktif mereka, saiz keluarga yang diinginkan dan jarak

kehamilan sihat.

Selain forum, LPPKN turut menjalankan kempen perancangan keluarga sepanjang bulan September di semua 49 klinik Nur Sejahtera di seluruh negara dengan menyediakan khidmat nasihat dan kontraseptif percuma kepada wanita yang layak daripada kumpulan B40 dan berisiko tinggi.

Amalan lestari yang lebih baik untuk petani

Bayer adalah syarikat sains tanaman inovatif yang terulung di dunia dalam bidang biji benih dan perlindungan tanaman. Menerusi Bahagian Sains Tanaman, syarikat ini menawarkan pelbagai produk perlindungan tanaman dan perkhidmatan di lapangan bermula daripada benih sehingga menuai.

Ini termasuk biji benih bernilai tinggi dan penyelesaian perlindungan tanaman yang inovatif serta pelbagai perkhidmatan sokongan untuk kepentingan moden dan lestari.

Kerjasama bersama agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan petani melalui aktiviti serta program seperti aplikasi penggunaan produk di lapangan dengan betul, lawatan ladang dan penyampaian maklumat memberi manfaat serta rujukan dari aspek perlindungan tanaman bagi memastikan petani mendapat hasil serta pulangan pelaburan yang tinggi.

Selain itu, Bayer sangat mengutamakan faktor kesihatan dan keselamatan alam sekitar demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan kepada pengguna dan alam secara an-

tan harian ke arah yang lebih baik

Sebagai salah satu pembekal terkemuka dunia bagi ubat-ubatan bukan preskripsi, suplemen pemakanan dan penyelesaian penjagaan diri yang lain, Bayer terus memperkasakan transformasi kesihatan harian dengan membantu lebih ramai rakyat Malaysia mampu memastikan kesihatan mereka sendiri dan menjalani kehidupan lebih baik.

Selain itu, sebagai peneraju dalam penjagaan lampin bayi, Bayer menjalankan pensampelan besar-besaran untuk Bepanthen Baby Ointment melalui beg keluar hospital kerajaan dan separa kerajaan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana bagi mendidik ibu mengenai pengetahuan penjagaan lampin.

Bepanthen Baby Ointment juga diundi sebagai pemenang krim ruam lampin terbaik oleh ibu bapa Malaysia dalam Anugerah Pilihan Ibu Bapa 2023.

Seterusnya, Bayer memperkenalkan rangkaian ekzema baharu kepada keluarga Bepanthennya untuk penjagaan harian kulit yang lebih kering, sensitif dan terdedah kepada ekzema.

Ekzema dicirikan oleh keretakan, kulit kering, gatal-gatal atau kemerahan pada permukaan kulit.

Ekzema boleh menjejaskan semua peringkat umur. Ia boleh menjengkelkan dan menyakitkan apabila kulit menjadi suar dan merekah, menghalang orang daripada melakukan perkara yang mereka suka.

Sesetengah orang juga menjadi kurang keyakinan terhadap penampilan ekzema dan menyukarkan golongan ini untuk bersosial.

Justeru itu, Bayer sangat komited terhadap kesihatan keluarga dan sudah melakukan penyelidikan selama bertahun untuk meminimumkan ketidakselesaan fizikal dan mental salah satu daripada keadaan dermatologi yang paling biasa pada zaman sekaran.

Matlamat rangkaian ekzema Bepanthen adalah untuk mengurangkan kesakitan dan kepayahan dalam perjalanan ini dengan menawarkan kelegaan yang nyata dan berpanjangan kepada pesakit.

Bayer juga terus meningkatkan usaha untuk membantu lebih ramai rakyat Malaysia kekal bertenaga sepanjang hari dengan suplemen kesihatan yang mengandungi vitamin B kompleks dan mineral penting lain.

Berocca dilihat menyokong banyak acara besar-besaran dengan pemberian sampel dalam usahanya untuk mendekati pengguna dan sentiasa berada bersama masyarakat apabila mereka paling memerlukan Berocca sepanjang beraktiviti.





ALPRO BIRTH CONTROL TELECONSULT

We made it as simple as ABC



019-7931923

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/12/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Bayer pacu kemajuan, tingkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia

Firma kesihatan dan nutrisi hasilkan produk, penyelesaian permasalahan 3 bidang utama

Oleh Lucy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Selepas lima dekad bertapak di Malaysia, Bayer Co (Malaysia) Berhad (Bayer) terus teguh dan komited untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat Malaysia.

Firma kesihatan dan nutrisi yang berkait bidang sains hayat penjagaan kesihatan dan pemakanan ini, berjaya menghasilkan pelbagai produk dan penyelesaian terbaik kepada permasalahan membabitkan tiga bidang utamanya iaitu farmaseutikal, sains tanaman dan kesihatan pengguna.

Berlandaskan visi syarikat 'Kesihatan untuk Semua, Tiada Keleparan Bagi Siapapun', sepanjang tahun ini pelbagai inisiatif dilaksanakan Bayer bagi mencapai hasil terbaik termasuk bagi kesihatan awam, amalan lestari untuk petani dan produk berkualiti untuk pengguna.

Antaranya, Bayer memunculkan pada penyampaian ubat-ubatan inovatif dan penting, khusus berfokus dalam bidang terapeutik kardiologi, onkologi, ginekologi dan oftalmologi serta menangani cabaran penduduk yang semakin menua di Malaysia.

Bayer memanfaatkan penggunaan kaedah penyelesaian digital untuk memajukan penjagaan pesakit, terutama kesihatan reproduktif untuk kaedah perancangan keluarga moden di negara ini.

Menurut tinjauan farmasi Alpro baru-baru ini, kehamilan tidak dirancang antara lima keseimbangan utama wanita di Malaysia. Namun, hanya satu perempat daripada 1,300 responden wanita tidak menggunakan sebarang kontraseptif dan hampir 50 peratus bergantung pada perancangan keluarga semula jadi.

Dengan matlamat memperkasakan wanita dalam membuat keputusan tepat mengenai perancangan keluarga, Bayer dan farmasi Alpro melancarkan Telekonsultasi. Perancangan Keluarga Alpro yang menghubungkan profesional penjagaan kesihatan dengan pesakit dari jarak



Lawatan kerja oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor serta rombongan diiringi oleh Pengarah, Ketua Bahagian Pertanian dan Pegawai IADA Barat Laut Selangor pada 25 Oktober 2023 di plot demonstrasi penggunaan produk Bayer untuk tanaman padi di Sungai Burong, Selangor.

rak jauh dan mudah.

Sejak pelancaran itu, lebih 4,500 individu menggunakan akses platform terbabit untuk memperoleh maklumat dan berunding dengan ahli farmasi serta mendapatkan nasihat, kaedah kontraseptif yang sesuai untuk keperluan mereka.

Alat digital lain dibangunkan Bayer untuk melengkapkan perkhidmatan penjagaan kesihatan wanita sedia ada termasuk Ask Maya chatbot, portal dalam talian dan siri pendidikan pada meta.

Telekonsultasi Perancangan Keluarga Alpro tersedia setiap hari dari jam 9 pagi hingga 10 malam melalui Whatsapp +6019-7931923 atau https://www.alpropharmacy.com/services/birth_control/

Perkhidmatan perancangan LPPKN
Selain itu, Bayer juga bekerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam memacu kesedaran dan pengetahuan mengenai kepentingan perancangan keluarga.

Bersempena Hari Kontraseptif Sedunia 2023 pada September lalu, Bayer dan LPPKN mengadakan forum advokasi perancangan

keluarga yang membincangkan faedah dan pilihan kontraseptif moden serta kebebasan dan keupayaan wanita membuat keputusan mengenai kesihatan reproduktif mereka.

Dalam pada itu, sebagai syarikat sains tanaman inovatif dalam bidang biji benih dan perlindungan tanaman, menerusi Bahagian Sains Tanaman, Bayer menawarkan pelbagai produk perlindungan tanaman dan perkhidmatan, bermula daripada benih sehingga menuai.

Ini termasuk biji benih bernilai tinggi dan penyelesaian perlindungan tanaman yang inovatif serta pelbagai sokongan perkhidmatan pertanian moden dan lestari.

Kerjasama bersama agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan petani melalui aktiviti serta program seperti aplikasi penggunaan produk dengan betul, lawatan ladang dan penyampaian maklumat memberi manfaat serta rujukan kepada petani bagi mendapat hasil serta pulangan pelaburan yang tinggi.

Selain itu, faktor kesihatan dan keselamatan alam sekitar juga

antara aspek yang menjadi keutamaan Bayer demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan kepada pengguna serta alam semula jadi.

Tahun ini, menyaksikan pelancaran varieti benih tomat Bayer dan penyelesaian perlindungan tanaman biologi unggul untuk penanam tomat di negara ini.

Dengan 201,306 tan dituai pada 2022, tomat mendahului senarai sayur-sayuran yang dikeluarkan di Malaysia.

Inovasi benih Bayer yang inovatif dan berdaya tahan membolehkan petani menghasilkan tomat sepanjang tahun selain membolehkan an beberapa siri penuaian sepanjang tahun.

Giri seperti kepadatan buah yang dipertingkatkan dan jangka hayat lebih lama berperanan penting dalam meningkatkan penghasilan dan siasa selepas tuai di peringkat la-

jang Ia supaya kualiti buah dikekalkan dan pengguna mendapat nutrisi diperlukan.

Pada masa sama, Bayer juga melabur dalam memberikan petani penanam lebih mendalam mengenai cara menggunakan biologi dan memanfaatkannya sepenuhnya.

Potensi ini meningkatkan ketertarikan petani dan meningkatkan keyakinan mereka, mengubah operasi penanaman tomat.

Sebagai pembekal bagi ubat-ubatan bukan preskripsi, suplemen pemakanan dan penyelesaian penjagaan diri, Bayer terus memperkasakan transformasi kesihatan harian dengan membantu lebih ramai rakyat Malaysia dalam menjalani kehidupan yang lebih baik.

Penjagaan kulit Bepanthen

Antaranya, Bayer menjalankan pensampelan besar-besaran untuk Bepanthen Baby Ointment melalui beg keluar hospital kerajaan dan separa kerajaan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana dengan tujuan untuk mendidik ibu mengenai penyelesaian penjagaan lampin.

Bepanthen Baby Ointment juga telah diundi sebagai pemenang krim ruam lampin terbaik oleh ibu bapa Malaysia dalam Anugerah Pilihan Ibu Bapa 2023.

Bayer juga memperkenalkan rangkaian ekzema baharu kepada keluarga Bepanthen untuk penjagaan harian kulit yang lebih kering, sensitif dan terdedah kepada ekzema.

Sejak dulu, Bayer komited terhadap kesihatan keluarga dan telah melakukan penyelidikan bertahun-tahun untuk meminimumkan ketidakselesaan fizikal dan mental iaitu memperkenalkan penyelesaian dermatologi ekzema Bepanthen.

Produk lain di bawah rangkaian keluarga Bepanthen termasuk Krim Pertolongan Cemas Bepanthen.

Pada masa sama, Bayer terus meningkatkan usaha untuk membantu lebih ramai rakyat Malaysia kekal berdaya sepanjang hari dengan suplemen kesihatan yang mengandungi vitamin B kompleks dan mineral penting lain.

Apa yang pasti, seiring dengan visi syarikat, Bayer telah menyumbang kepada masyarakat menerusi usaha mencegah dan menyembuh penyakit, meningkatkan kesihatan harian dan memberi makan kepada populasi yang meningkat.

Malah, syarikat ini terus komited memacu kemajuan di Malaysia dan meningkatkan kualiti hidup rakyat di negara ini.